



9 Disember 2021  
9 December 2021  
P.U. (A) 448

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 13) 2013 (PINDAAN) 2021

*INCOME TAX (EXEMPTION)  
(NO. 13) 2013 (AMENDMENT) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 13) 2013  
(PINDAAN) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 13) 2013 (Pindaan) 2021**.  
  
(2) Perintah ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 2021.

**Pindaan perenggan 2**

2. Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 13) 2013 [P.U. (A) 294/2013] yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 2—
  - (a) dalam takrif “dapatan penyelidikan dan kemajuan” dengan menggantikan perkataan “atau institusi pengajian tinggi awam” dengan perkataan “, institusi pengajian tinggi awam atau swasta”;
  - (b) dalam takrif “syarikat pelabur” dengan menggantikan perkataan “Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]” dengan perkataan “Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*]”; dan
  - (c) dalam takrif “syarikat yang layak” dengan menggantikan perkataan “Akta Syarikat 1965” dengan perkataan “Akta Syarikat 2016”.